



**State Mufti's Office**  
*Prime Minister's Office*  
**Brunei Darussalam**

## **BERAS: TANAMAN YANG WAJIB DIZAKAT**

### **(BAHAGIAN PERTAMA)**

*(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)*

Menunaikan zakat merupakan satu kewajipan dan ia juga merupakan salah satu rukun Islam yang lima. Orang-orang yang berkewajipan menunaikan zakat, tetapi tidak melaksanakan tuntutan ini akan mendapat azab yang sangat dahsyat daripada Allah *'azza wajalla*.

Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* memperingatkan tentang balasan bagi orang-orang yang tidak mengeluarkan zakat, sebagaimana sabda Baginda:

. :  
( ) :

( )

**Maksudnya:** *“Barangsiapa yang dikurniakan harta oleh Allah namun dia tidak melaksanakan zakat (hartanya), diserupakan hartanya pada hari kiamat sebagai ular gondol yang mempunyai dua taring yang akan mengalunginya (orang yang tidak mengeluarkan zakat itu). Kemudian ular tersebut akan mengambilnya (orang yang tidak mengeluarkan zakat itu) dengan dua tulang rahangnya lantas berkata: “Aku adalah hartamu, aku adalah simpananmu.” Kemudian Rasulullah Shallallahu 'alaihi*

wasallam membaca ayat ini, yang tafsirnya: ( Dan jangan sekali-kali orang-orang yang bakhil dengan harta benda yang telah dikurniakan Allah kepada mereka dari kemurahanNya ) sehingga akhir ayat. (surah aali-‘Imraan: 180).”

(Hadits riwayat al-Bukhari)

Salah satu jenis zakat harta yang diwajibkan ialah zakat tanam-tanaman. Firman Allah *Subhanahu wa Ta‘ala*:

وَهُوَ الَّذِي أَنْشَأَ جَنَّاتٍ مَّعْرُوشَاتٍ وَغَيْرِ مَّعْرُوشَاتٍ وَالنَّخْلَ وَالزَّرْعَ مُخْتَلِفًا أُكْلُهُ  
وَالزَّيْتُونَ وَالرُّمَّانَ مُتَشَابِهًا وَغَيْرِ مُتَشَابِهٍ كُلُوا مِنْ ثَمَرِهِ إِذَا أَثْمَرَ وَءَاتُوا حَقَّهُ  
يَوْمَ حَصَادِهِ وَلَا تُسْرِفُوا إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ ﴿١٤١﴾

(141 : )

**Tafsirnya:** “Dan Dialah (Allah) yang menjadikan (untuk kamu) kebun-kebun yang menjalar tanamannya dan yang tidak menjalar; dan pohon-pohon tamar (kurma) dan tanam-tanaman yang berlainan (bentuk, rupa dan) rasanya; dan buah zaitun dan delima, yang bersamaan (warnanya atau daunnya) dan tidak bersamaan (rasanya). Makanlah dari buahnya ketika ia berbuah, dan keluarkanlah haknya (zakatnya) pada hari memetik atau menuai; dan janganlah kamu melampau-lampau (pada apa-apa jua yang kamu makan atau belanjakan); sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampau-lampau.”

(Surah al-An‘am: 141)

### **Syarat Wajib Mengeluarkan Zakat Tanam-Tanaman**

Orang yang diwajibkan mengeluarkan zakat tanam-tanaman itu hendaklah dia beragama Islam, merdeka dan dia adalah pemilik sempurna bagi tanam-tanaman itu.

Manakala syarat bagi tanam-tanaman yang wajib dikeluarkan zakat itu adalah seperti berikut:-

- (1) Ia merupakan tanam-tanaman yang mengenyangkan.
- (2) Sesuatu jenis tanaman yang ditanam oleh manusia.
- (3) Terdiri daripada buah-buahan atau biji-bijian.
- (4) Tahan lama disimpan.
- (5) Cukup *nishab*.

### **Beras Wajib Dikeluarkan Zakat**

Beras merupakan makanan asasi bagi penduduk Negara Brunei Darussalam. Pada masa kini pihak Kerajaan giat melipat gandakan usaha ke arah pencapaian tahap sara diri pengeluaran beras negara dengan melancarkan penanaman padi secara besar-besaran.

Sebagaimana penjelasan mengenai syarat-syarat wajib zakat tanam-tanaman, beras adalah termasuk dalam kategori tanaman dari jenis biji-bijian yang wajib dikeluarkan zakat.

Maka dengan melaksanakan tuntutan mengeluarkan zakat beras ini, semoga hasrat untuk mencapai tahap sara diri itu akan tercapai kerana dengan mengeluarkan zakat sesuatu harta itu pada hakikatnya akan bertambah dan subur dengan keberkatan zakat itu, walaupun nampak pada zahirnya ia mengurangkan kuantiti.

### ***Nishab* Zakat Beras**

*Nishab* zakat ialah kadar tertentu sama ada dalam bentuk timbangan, sukatan atau sebagainya yang mana apabila suatu harta itu mencapai kadar tersebut, maka harta itu wajib dizakat.

*Nishab* zakat tanam-tanaman itu ialah lima *wasq*, sebagaimana sabda Nabi *Shallallahu 'alaihi wasallam*:

( )

**Maksudnya:** “*Tiada (zakat pada tanam-tanaman) yang kurang daripada lima wasq dan tiada (zakat pada unta) yang kurang daripada lima ekor unta dan tiada (zakat pada perak) yang kurang daripada lima uqiyah.*”

(Hadits riwayat Muslim)

Oleh itu, *nishab* zakat beras dan biji-bijian yang lain ialah lima *wasq* iaitu bersamaan dengan 680.4 kilogram. Jika beras telah mencapai sukatan lima *wasq* atau mencapai berat timbangan 680.4 kilogram, maka wajib dikeluarkan zakat beras tersebut.

Perkiraan *nishab* zakat beras sebanyak lima *wasq* atau 680.4 kilogram itu adalah selepas beras itu dibersihkan daripada jerami dan kulitnya.

Kulit beras adalah daripada jenis kulit yang menyimpan biji-bijian di dalamnya dan ia tidak dimakan bersama-sama kulit itu, maka kulit beras tersebut tidak dikira dalam *nishab* zakat lima *wasq* atau 680.4 kilogram.

Adapun beras yang tidak dibuang kulitnya (yang masih bergelar padi), maka *nishab* zakatnya ialah sepuluh *wasq* atau 1360.8 kilogram. Ia berbeza dengan *nishab* zakat beras yang telah dibuang kulitnya iaitu lima *wasq* atau 680.4 kilogram.

*bersambung*